

5,000 kedai koperasi jadi pusat jualan Q-Fish

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) tiada masalah untuk menjalin kerjasama dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) bagi memasarkan ikan segar beku (Q-Fish) kerana mempunyai lebih 5,000 kedai koperasi untuk dijadikan pusat jualan bahan mentah itu.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya akan berbincang dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengenai perkara berkenaan bagi membolehkan program tersebut dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Menurutnya, saranan Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr. Imohizam Ibrahim untuk menjalin kerjasama dengan koperasi di negara ini dalam memperluaskan pasaran ikan Q-Fish dapat mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup rakyat.

“Kita akan dapatkan produk tersebut dari nelayan-nelayan melalui koperasi nelayan dan kita akan temukan terus dengan peruncit yang dimiliki oleh koperasi Angkasa untuk dijadikan pusat jualan. Dalam masa sama beberapa koperasi boleh bekerjasama menyediakan pengangkutan untuk mengedarkan ikan-ikan berkenaan.

“Ini merupakan satu pendekatan yang baik dalam usaha koperasi membantu ahli-ahlinya mendapatkan barang yang murah dan berkualiti daripada sumber produk,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Jalinan Kerjasama Antara Angkasa dan Koperasi Fiji di Wisma Ungku Aziz di Kelana Jaya semalam.

Yang turut hadir, Duta Khas Perdana Menteri Fiji, Ratu Epeli Nailatikau.

Mengenai majlis berkenaan Abdul Fattah yang juga Presiden Organisasi Koperasi ASEAN (ACO) berkata, kerjasama ACO dengan kerajaan Republik Fiji dapat membantu koperasi di

negara-negara ASEAN dalam aspek ekonomi dan sosial serta berkongsi pengalaman dan pengetahuan untuk membangunkan koperasi dan meningkatkan taraf hidup ahli-ahli.

“Mungkin kerjasama yang kita boleh terokai dalam bidang pelancongan dan perikanan di mana kedua-dua sektor tersebut merupakan kekuatan Fiji.

“Secara tidak langsung kita juga dapat memperkasa Angkasa sebagai koperasi negara yang sedang giat meningkatkan penglibatannya di peringkat antarabangsa,” katanya.



**ABDUL FATTAH
ABDULLAH**